

Noor Mohamad
Shakil Hameed

HARIAN METRO

Tatkala masyarakat dikejutkan dengan penularan wabak penyakit tangan, kuku dan mulut (HFMD) yang meningkat secara mendadak hampir di seluruh negara termasuk korban pertama yang direkodkan di Sarawak, jangan kita lupa dan leka pula mengenai satu lagi penyakit berbahaya yang sentiasa menghantui masyarakat iaitu wabak denggi. Trend peningkatan kes demam dengan di seluruh negara sejak beberapa bulan ini wajar dipandang serius kerana dengan boleh membawa kepada kematian. Jelas demam dengan bukan lagi wabak bermusim sebaliknya kes dengan terus direkodkan sepanjang masa di seluruh negara. Justeru semua pihak perlu memikul tanggungjawab secara bersama supaya wabak ini dapat ditangani dengan konsisten dan sepanjang masa.

Umum mengetahui penyakit demam dengan ini terjadi kerana jangkitan virus yang merebak melalui gigitan nyamuk aedes. Antara simptom demam dengan adalah, sakit kepala, sakit otot dan sendi, muntah dan cirit-birit, ruam, rasa letih dan kurang selera makan. Manakala antara komplikasi yang boleh berlaku ketika demam dengan adalah, masalah pada otot jantung, jangkitan virus dengan di bahagian otak, keradangan hati, jangkitan paru-paru, demam dengan berdarah dan juga paru-paru berair. Jadi masyarakat tidak boleh pandang rendah dengan kemampuan wabak ini menyerang manusia yang jika serius boleh membawa maut.

Mengikut kenyataan Ketua Pengarang Kesihatan, sejumlah 1,872 kes dengan dilaporkan pada minggu ke-28 dengan lima negeri mencatatkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Selangor, WP Kuala Lumpur dan Putrajaya, WP Labuan, Pahang dan Johor. Secara kumulatif kes dengan sehingga minggu ke-28 tahun ini adalah 36,191 kes. Lebih membimbangkan apabila dilaporkan terdapat tiga kes kematian dengan pada minggu ke-28, menjadikan jumlah kumulatif kematian dengan sebanyak 59 kematian. Lokaliti hotspot juga menunjukkan peningkatan berbanding minggu sebelumnya iaitu 108 lokaliti bebanding 96 sebelumnya. Maka sepatutnya statistik ini membuka mata semua pihak supaya segera berganding bahu mengambil inisiatif untuk mengurangkan segala punca yang boleh membawa kepada pembiakan aedes seterusnya mengekang transmisi jangkitan dengan di seluruh negara.

Secara prinsipnya tanggungjawab membanteras mahupun mencegah penularan wabak dengan ini banyak tertumpu kepada peranan, keperihatinan, sikap dan

Perangi aedes habis-habisan

tanggungjawab setiap anggota masyarakat. Jika setiap seorang daripada kita dapat memainkan peranan sewajarnya peluang untuk virus ini tersebar atau nyamuk aedes membiak pasti dapat dielak atau dikurangkan. Jadi kita perlu bertindak dengan segera. Antara langkah awal yang boleh kita ambil ialah pertama sekali kita pastikan kawasan dalam dan luar rumah kita sendiri bebas dari pembiakan nyamuk aedes. Untuk itu kita perlu sentiasa membersihkan kawasan rumah, pastikan tiada takungan air dalam apa jua bekas atau peralatan berkaitan dan jika perlu gunakan ubat jentik-jentik sebagai langkah pencegahan. Ini antara langkah awal yang boleh diambil setiap individu dan ia perlu dilaksanakan secara konsisten dan berterusan. Biarlah langkah pencegahan ini bermula daripada diri kita sendiri sebelum kita mengingatkan orang lain atau menuding jari menyalahkan orang lain bila belaku kes dengan di kawasan kita. Percayalah jika setiap seorang daripada kita boleh membudayakan gaya hidup sihat dan berusaha untuk kekang pembiakan aedes, akhirnya kita dapat tangani wabak dengan ini secara total di seluruh negara.

Dalam pada itu sebagai anggota masyarakat yang bertanggungjawab kita juga perlu elak sikap mementingkan diri dan

tingkah laku negatif seperti membuang sampah atau bekas seperti pasu bunga yang rosak, tin atau tayar lama di merata tempat sehingga longkang boleh tersumbat atau kawasan pembuangan sampah bertimbun dengan pelbagai bekas yang ditakungi air. Hal ini penting untuk diberi perhatian serius oleh anggota masyarakat kerana kebanyakan kes demam dengan apabila disiasat oleh pihak berkuasa mendapat berlaku berpuncu daripada tingkah laku masyarakat di kawasan kejiranannya itu sendiri yang tidak jaga kebersihan dan membuang pelbagai peralatan sehingga sampah bertimbun dan longkang tersumbat, tersekat dan tidak mengalir. Jadi kita perlu kepada seluruh anggota masyarakat agar ubahlah sikap dan tingkah laku yang tidak baik ini. Jangan lupa perbuatan tidak bertanggungjawab seperti ini boleh makan diri kita balik di mana anggota keluarga kita sendiri boleh menjadi mangsa demam dengan kelak.

Komuniti masyarakat seperti jawatan kuasa penduduk, surau, persatuan belia dan juga badan bukan kerajaan (NGO) juga wajar memainkan peranan aktif bagi membantu membanteras penularan wabak dengan ini. Paling mudah anjurkanlah pelbagai program untuk memberi kesedaran dan pendidikan

kesihatan kepada ahli masing-masing tentang bahaya wabak dengan ini. Antara aktiviti wajib dan rutin yang perlu dibuat secara berkala adalah program gotong royong membersihkan kawasan kejiranannya atau taman masing-masing. Program ini wajar dibuat sekerap yang mungkin agar kita dapat tutup atau membersihkan segala ruang yang boleh menyumbang kepada pembiakan nyamuk aedes. Di samping dapat mengeratkan hubungan silaturahim aktiviti bersama seperti ini boleh memberikan kesan langsung yang cukup signifikan dan efektif dalam memerangi aedes.

Dalam hal ini masyarakat juga boleh bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) supaya mereka turut dapat membantu menjayakan program seperti ini terutama bantuan dari aspek pendidikan kesihatan. Walaupun pelbagai kempen dilaksanakan selama ini, kita dapat tahap kesedaran masyarakat kita mengenai bahaya dengan ini masih rendah. Ironinya masing-masing bersikap tidak peduli atau tidak ambil kisah tentang dengan selagi diri sendiri atau ahli ahli keluarga tidak menjadi mangsa. Jadi inisiatif kempen kesedaran melalui pendidikan kesihatan wajar diteruskan dengan lebih agresif

supaya mesej tentang bahaya aedes dan dengan ini sampai kepada seluruh anggota masyarakat kita.

Akhirnya kita tetap menaruh harapan besar kepada pihak berkuasa agar terus melakukan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan terutama terhadap anggota masyarakat yang terus liat dan degil. Adakalanya tindakan hukuman itu boleh mencetuskan kesedaran berbanding nasihat dan peringatan semata-mata. Marilah kita berganding bahu melindungi diri, keluarga dan masyarakat dengan memerangi aedes habis-habisan. Mulakan dengan diri kita sendiri, jangan tunggu orang lain atau pihak berkuasa. Ingat, sesal dulu ada pendapatan, sesal kemudian tiada gunanya. Perangi dengan habis-habisan, dengan boleh membawa maut!

**Penulis Timbalan Pendaftar
Fakulti Kejuruteraan
Universiti Putra Malaysia**



Dialog Kotaraya

Oleh Juragan

